



PROGRAM SOCIAL SYNERGY

PRIHATIN MELANGKAUI EKSPEKTASI
KESEJAHTERAAN RAKYAT KEUTAMAAN KAMI



ISI KANDUNGAN

PERKARA

■ Sejarah Penubuhan	1
■ Keselamatan Sosial	2-3
■ Misi, Visi dan Objektif	4
■ Latar Belakang	5
■ Modul	6-13
■ Kolaborasi Pintar	14-16
■ Sistem MySynergy	17
■ Pengiktirafan	18
■ Galeri Kolaborasi dan Aktiviti	19-21
■ Nota	22


MUKASURAT

SEJARAH

Program Social Synergy merupakan sebuah inisiatif yang diperkenalkan PERKESO sebagai menambahbaik mutu sistem penyampaian perkhidmatan yang menjurus kepada sebuah perkhidmatan yang melangkaui ekspektasi pelanggan. Program ini dibina hasil daripada pelaksanaan program inovatif kreatif yang mengkhususkan kepada penghasilan projek Inovasi Sosial. Melalui platform ini, sebuah maha karya ulung telah berjaya diterjemah membentuk sebuah model keselamatan sosial yang pertama di Malaysia.

Diwujudkan pada Ogos 2017, Program Social Synergy dibina dengan penuh cabaran dan iltizam. Berbekalkan semangat empati yang tinggi, gerakan kolaborasi pintar telah dimulakan dengan kaedah memberikan penerangan dan kesedaran kepada agensi-agensi yang menyediakan bantuan sosial kepada masyarakat. Kesedaran berkenaan dengan kepentingan pembentukan jaringan keselamatan sosial yang holistik dan sistematik merupakan sebuah aspirasi yang amat dinantikan oleh seluruh rakyat Malaysia. Hasilnya pada 11 November 2020 Program Social Synergy dan Sistem MySynergy telah dilancarkan secara rasmi oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Tidak terhenti setakat itu, tahun 2020 merupakan tempoh revolusi yang paling menyinar buat Program Social Synergy. Pandemik Covid 19 yang melanda seluruh dunia ternyata telah memberikan kesedaran kepada pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan untuk menggembeling peranan bagi membantu masyarakat yang dihimpit pelbagai kesulitan seperti kehilangan pekerjaan, kematian, hilang upaya, sara hidup dan lain-lain. Ini sekaligus telah membuka akses perlindungan dan manfaat yang lebih besar untuk ditawarkan kepada seluruh rakyat Malaysia.



KESELAMATAN SOSIAL

1. Keselamatan sosial merupakan elemen terpenting yang perlu ada di setiap negara termasuklah Malaysia. Melalui *Social Security (Minimum Standard) Konvensyen Geneva 1952* (Bil. 102) jelas menyatakan bahawa keselamatan sosial di dunia adalah meliputi Sembilan (9) bahagian yang meliputi segala aspek didalam kehidupan seharian. Sembilan (9) bahagian yang dinyatakan adalah seperti berikut:

- i. Bencana Pekerjaan;
- ii. Kesakitan;
- iii. Perubatan;
- iv. Keuzuran;
- v. Kematian/Orang Tanggungan;
- vi. Pengangguran;
- vii. Bersalin;
- viii. Keluarga; dan
- ix. Hari Tua.



2. *International Labor Organization (ILO)* melalui artikel yang diterbit pada tahun 2001 menekankan konsep keselamatan sosial adalah seperti berikut:

“... setiap orang sebagai anggota masyarakat, mempunyai hak ke atas taraf hidup asas yang mencukupi bagi kesihatan dan kebajikan untuk diri dan keluarganya termasuk jaminan perlindungan semasa pengangguran, kesakitan, hilangupaya, kematian, semasa tua dan kekurangan sara hidup yang lain...”

3. Pernyataan ini telah memberikan sebuah gambaran lengkap bahawa keselamatan sosial di dunia ini perlu dipacu dengan lebih meluas dan sistematik melalui pewujudan sebuah model keselamatan sosial yang komprehensif, integrasi dan holistik untuk dimanfaatkan kepada seluruh rakyat.

4. Namun di Malaysia buat masa ini hanyalah memiliki sebuah model keselamatan sosial yang bersifat 'fragmented'. Sebagai contoh yang boleh dilihat seperti keberadaan agensi-agensi yang menyediakan manfaat keselamatan sosial ditempatkan di bawah kementerian dan entiti yang berbeza sehingga memungkinkan beberapa permasalahan berlaku seperti pertindihan manfaat dan data yang tidak berpusat.
5. Oleh yang demikian, pewujudan Program Social Synergy merupakan formula terbaik bagi mengatasi permasalahan tersebut. Program Social Synergy akan memainkan peranan penting bagi memastikan beberapa elemen terpenting dapat dihasilkan seperti berikut:
 - a) Pemusatan data keselamatan sosial;
 - b) Mengelakkan pertindihan manfaat;
 - c) Mengurangkan kes keciciran manfaat;
 - d) Pewujudan 'one stop centre' keselamatan sosial.
6. Dengan mengasimilasikan ketiga-tiga kategori keselamatan sosial yang terdapat di dunia iaitu Bantuan Sosial, Insurans Sosial dan Intervensi Pasaran Kerja, ianya secara langsung telah berjaya mewujudkan sebuah platform keselamatan sosial yang sistematik, komprehensif, holistik dan 'end to end solution'.

BANTUAN SOSIAL	INSURANS SOSIAL	INTERVENSI PASARAN KERJA
Bantuan berdasarkan peruntukan	Bantuan berdasarkan caruman	Bantuan berdasarkan caruman dan kelayakan
Bantuan diberikan kepada golongan sasar	Bantuan diberikan kepada pencarum sahaja	Bantuan diberikan kepada pencarum dan bukan pencarum
Cth agensi: Jabatan Kebajikan/ Baitulmal/NGO & sebagainya	Cth agensi: PERKESO & KWSP	Cth agensi: SIP PERKESO

MISI, VISI DAN OBJEKTIF

Misi

Menyediakan sebuah jaringan keselamatan sosial yang sistematik dan komprehensif melalui kolaborasi strategik antara semua agensi berkenaan demi memastikan seluruh Rakyat Malaysia menerima hak perlindungan keselamatan sosial yang selayaknya bagi meningkatkan taraf hidup individu dan keluarga.

Visi

Platform keselamatan sosial yang holistik dan bersifat 'end to end solution' kepada seluruh Rakyat Malaysia



Meningkatkan pendapatan sara hidup & Mengurangkan kadar kemiskinan yang melanda

Menyediakan platform keselamatan sosial secara berpusat, sistematik dan komprehensif untuk seluruh Rakyat Malaysia

Menjadikan semua Rakyat Malaysia memiliki pengetahuan berkenaan dengan pengurusan hilang upaya dan pengurusan kewanaan yang sistematis.

Menjadikan Rakyat Malaysia lebih holistik dengan memiliki kemahiran yang kompeten dalam pelbagai bidang.

OBJEKTIF PROGRAM SOCIAL SYNERGY



LATAR BELAKANG

KOLABORASI PINTAR

- Program Social Synergy memegang konsep kolaborasi pintar sebagai nadi utama kepada kaedah pelaksanaan program;
- Melalui kaedah kolaborasi pintar, semua agensi boleh mengekalkan praktis dan pelaksanaan sedia ada tanpa perlu mewujudkan sebarang dasar mahupun polisi baharu. Ini sekaligus memberikan ruang kolaborasi yang lebih fleksibel dan harmoni di antara sesama agensi;
- Melalui program ini, agensi adalah dibahagikan kepada dua (2) kategori iaitu agensi bersekutu dan tidak bersekutu. Agensi bersekutu adalah terdiri daripada agensi kerajaan, bukan kerajaan dan pemimpin masyarakat (Wakil Rakyat) yang menjalankan perkhidmatan tanpa bermotifkan keuntungan. Agensi tidak bersekutu pula terdiri daripada agensi bukan kerajaan dan swasta yang menjalankan pelaksanaan pemberian dan penyampaian manfaat melalui konsep CSR dan dengan motif keuntungan yang minima.

EKOSISTEM KESELAMATAN SOSIAL

- Pewujudan program ini yang berdasarkan kolaborasi pintar dijangka bakal mewujudkan sebuah ekosistem keselamatan sosial yang lebih komprehensif. Ini dapat dibuktikan dengan penyertaan agensi-agensi yang terdiri daripada pelbagai perkhidmatan seperti kebajikan, latihan kemahiran, pendidikan kewangan, kesihatan, pekerjaan dan sebagainya;
- Dengan kolaborasi yang telah dibentuk secara langsung bakal mewujudkan sebuah 'community on practice' di dalam bidang keselamatan sosial di Malaysia;
- Eksplorasi yang lebih jitu, holistik dan kukuh dapat dilakukan dengan percambahan pengetahuan berkenaan dengan produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh semua agensi yang menyertai. Dengan percambahan dan perkongsian pengetahuan tersebut ianya sekaligus akan melahirkan lebih ramai lagi pengamal keselamatan sosial yang berkredibiliti disamping memiliki tahap nilai empati yang tinggi di dalam diri.

MODEL KESELAMATAN SOSIAL

- Pembentukan sebuah model keselamatan sosial baharu yang bakal mengatasi permasalahan 'fragmented social security' yang selama ini dialami di Malaysia;
- Asimilasi dua jenis keselamatan sosial di dunia iaitu bantuan sosial dan insurans sosial dijangka bakal menyebarluas manfaat di setiap agensi kepada masyarakat disamping mengelakkan pertindihan manfaat yang kerap berlaku kesan daripada ketiadaan sebuah pengkalan data keselamatan sosial berpusat di Malaysia;

MODUL

FORMAT KOLABORASI

- Bagi memastikan setiap agensi tidak terbebani dengan kolaborasi ini, program telah menggunakan format kolaborasi yang fleksibel dan tidak mengikat kepada semua agensi yang menyertai. Ini adalah bagi memastikan semua agensi dapat memberikan komitmen tinggi untuk membantu masyarakat di Malaysia;
- Untuk tujuan tersebut, Memorandum Kolaborasi (MoC) dan Surat Niat (Lol) adalah digunakan sebagai bentuk komitmen agensi terhadap penyertaan di dalam program ini. Sebagai suntikan momentum kolaborasi, PERKESO dengan hati suci menawarkan sesi latihan pengetahuan aras tinggi berkenaan keselamatan sosial dan penggunaan sistem secara percuma kepada semua koordinator yang telah dilantik oleh agensi.

MANFAAT

- Program ini bakal memberikan manfaat yang amat berguna seperti berikut:
 - Mengelakkan pertindahan manfaat;
 - Mengelakkan keciciran manfaat;
 - Melahirkan rakyat Malaysia yang berdaya saing dan memiliki pendidikan berkenaan dengan hilang upaya fizikal dan kewangan;
 - Mewujudkan sebuah pengkalan data keselamatan sosial;
 - Platform keselamatan sosial pertama di Malaysia.



Program Social Synergy telah dibina dengan mengadaptasi beberapa model keselamatan sosial yang terdapat di negara maju seperti Australia, USA, England, Korea Selatan dan beberapa negara lagi. Namun untuk membentuk sebuah model yang bersesuaian dengan keberadaan fasiliti perlindungan keselamatan sosial di Malaysia, sebuah proses adaptasi yang teliti telah dilakukan. Hasil daripada proses tersebut maka lahirlah sebuah modul yang terbahagi kepada lima (5) bahagian seperti berikut:



Modul Program Social Synergy

Berikut disertakan Jadual Pengurusan Modul yang menyenaraikan berkenaan dengan aktiviti yang disediakan di bawah setiap modul berdasarkan kemudahan dan manfaat yang disediakan oleh agensi yang menyertai:

KEWANGAN	PENDIDIKAN DAN LATIHAN	FAEDAH, PERLINDUNGAN DAN WAKALAH	PERUBATAN DAN KESIHATAN	PEKERJAAN DAN PERNIAGAAN
Penstrukturran hutang	Pendidikan kewangan	Bencana kerja	Mental dan psikologi	Carian pekerjaan
Penyelesaian hutang	Kemahiran soft skill	Keilatan	Rehabilitasi	Modal permulaan perniagaan
Bantuan kewangan	Kemahiran hard skill	Pampasan kehilangan pekerjaan	Bantuan Penyakit Kronik	Perniagaan atas talian
Bantuan sara hidup	Komunikasi dan teknologi maklumat	Bantuan dialisis	Penjagaan kesihatan warga emas	Pekerjaan sendiri (<i>freelance</i>)
Bantuan dana pendidikan	Pendidikan dan bantuan perundangan	Bantuan barang keperluan	Bantuan Dialisis	Penempatan pekerjaan
Dana Persaraan	Latihan pemasaran digital	Bantuan Implan	Bantuan Motivasi Pekerjaan/Perniagaan	Geran Perniagaan
Bantuan Keilatan	Latihan Keusahawanan	Pencen/Pampasan Kematian	Pengurusan Kematian	Bantuan Pekerjaan Sendiri

Jadual di atas merupakan panduan yang digunakan bagi membina beberapa pelan modul yang bersesuaian (*ad-doc & customize*) berdasarkan situasi semasa dan juga keperluan golongan sasar yang ingin dibantu.


Modul Kewangan:

Jenis Bantuan	Huraian
Penstrukturran hutang	Bantuan penjadualan dan penstrukturran semula hutang dengan institusi kewangan seperti bank bagi memastikan individu memiliki lebihan aliran tunai dalam tangan. Agensi yang terlibat ialah seperti AKPK .
Penyelesaian hutang	Bantuan penyelesaian hutang bagi golongan asnaf melalui beberapa skim seperti Al-Gharimin. Agensi yang telibat ialah PPIM, Majlis Agama Islam dan Pusat Zakat seluruh negara.
Bantuan kewangan	Bantuan kewangan kepada golongan B40 dan asnaf yang memerlukan tertakluk kepada syarat dan kriteria yang ditetapkan oleh setiap agensi. Agensi yang terlibat ialah Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Agama Islam dan Pusat Zakat seluruh negara.
Bantuan sara hidup	Bantuan sara hidup untuk asnaf, ibu tunggal, fakir miskin, pekerja yang disahkan ilatdan pelbagai golongan yang berkenaan bagi meneruskan kelangsungan hidup. Agensi yang terlibat ialah PERKESO, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Agama Islam dan Pusat Zakat seluruh negara.
Bantuan dana pendidikan	Bantuan dana pendidikan bagi membantu pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi bagi mendapatkan pendidikan yang berkualiti dan setara dengan keperluan industri. Agensi yang terlibat seperti PERKESO, Yayasan Peneraju Bumiputra Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Agama Islam dan Pusat Zakat seluruh negara.
Dana Persaraan	Penyediaan dana persaraan bagi individu yang telah bersara dan terkesan akibat keilatan, kemiskinan dan sebagainya bagi meneruskan kelangsungan hidup. Antara agensi yang terlibat adalah seperti PERKESO, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Agama Islam dan Pusat Zakat seluruh negara.
Bantuan Keilatan	Perlindungan khusus kepada Rakyat Malaysia yang mengalami keilatan akibat penyakit kronik dan kemalangan yang dihadapi. Antara agensi yang terlibat adalah seperti PERKESO, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Agama Islam dan Pusat Zakat seluruh negara.



Modul Pendidikan dan Latihan:

Jenis Bantuan	Huraian
Pendidikan kewangan	Pengetahuan berkenaan dengan pendidikan kewangan bagi memastikan aliran tunai lebih teratur dan menepati keperluan berdasarkan pendapatan yang diterima. Agensi yang terlibat adalah AKPK .
Kemahiran soft skill	Pengetahuan berkenaan dengan kemahiran soft skill kepada individu yang memerlukan terutama sebagai persediaan untuk memulakan perniagaan. Agensi yang terlibat adalah SIP PERKESO, GIATMARA, ILP, Yayasan Tok Kenali dan sebagainya.
Kemahiran hard skill	Pengetahuan berkenaan dengan kemahiran hard skill kepada individu yang memerlukan terutama sebagai persediaan untuk memulakan perniagaan. Agensi yang terlibat adalah SIP PERKESO, GIATMARA, ILP, Yayasan Tok Kenali dan sebagainya.
Komunikasi dan teknologi maklumat	Pengetahuan berkenaan dengan kemahiran komunikasi dan teknologi maklumat kepada individu yang memerlukan terutama sebagai persediaan untuk memulakan perniagaan atau pekerjaan. Agensi yang terlibat adalah SIP PERKESO, GIATMARA, ILP, Yayasan Tok Kenali dan sebagainya.
Pendidikan dan bantuan perundangan	Pengetahuan berkenaan dengan bimbingan perundangan kepada individu yang memerlukan dari beberapa elemen seperti perundangan perkahwinan, hak-hak pekerjaan dan sebainya. Agensi yang terlibat adalah Jabatan Bantuan Guaman .
Latihan pemasaran digital	Latihan pemasaran digital bagi membina platform pemasaran digital untuk digunakan sebagai elemen terpenting bagi memasarkan prosuk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh individu yang berkenaan. Agensi yang terlibat adalah MDEC .
Latihan Keusahawanan	Latihan persediaan dan lanjutan bagi usahawan untuk memastikan kebolehpasaran dan daya gerak ekonomi yang setara dengan keperluan industri dapat disuntik kepada individu yang memerlukan. Agensi yang terlibat seperti Tekun Nasional dan Amanah Ikhtiar Malaysia .



Faedah, Perlindungan dan Wakalah:

Jenis Bantuan	Huraian
Bencana kerja	Perlindungan kepada semua pekerja samaada pekerja sektor formal atau tidak formal di bawah skim yang disediakan oleh PERKESO melalui Akta 4 dan 789.
Keilatan	Perlindungan kepada pekerja dan rakyat Malaysia melalui skim yang disediakan oleh PERKESO ataupun bantuan yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Majlis Agama Islam seluruh negara.
Pampasan kehilangan pekerjaan	Perlindungan kepada pekerja yang kehilangan pekerjaan akibat apa-apa punca. Perlindungan ini adalah berbentuk pampasan samaada daripada SIP PERKESO ataupun majikan melalui representasi dan perbincangan yang dilakukan bersama Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia .
Bantuan kebaikan Peralatan Perubatan dan Pemulihan	Bantuan pembekalan peralatan perubatan dan pemulihan kepada pencarum PERKESO dan juga rakyat Malaysia melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Agama Islam dan NGO yang berkenaan dan bersesuaian.
Bantuan barang keperluan	Bantuan pembekalan barang keperluan asas seperti pakaian, makanan, minuman dan sebagainya melalui bantuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Agama Islam, NGO dan beberapa agensi yang berkenaan.



Perubatan dan Kesihatan:

Jenis Bantuan	Huraian
Mental dan psikologi	Bantuan rawatan dan sokongan untuk pesakit mental yang terjejas dari segi emosi dan psikologi untuk menjalani kehidupan seperti sediakala. Agensi yang terlibat adalah seperti MIASA .
Rehabilitasi	Bantuan rawatan rehabilitasi kepada pencarum yang memiliki minima 12 caruman untuk mendapatkan kemudahan rawatan rehabilitasi di Pusat Rehabilitasi Tun Abdul Razak PERKESO .
Penyakit Kronik	Bantuan pencen, kos rawatan dan sokongan kepada pesakit yang menghidapi penyakit kronik seperti kanser, stroke, diabetik dan sebagainya melalui agensi PERKESO, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Agama Islam, Yayasan Buddhist Tzu Chi, Yayasan Kebajikan Negara, Kita Fund .com dan sebagainya.
Penjagaan kesihatan warga emas	Bantuan sokongan penjagaan bagi warga emas yang memerlukan perhatian dan penjagaan rapi melalui NGO seperti Penang Hospice .
Dialisis	Bantuan kos rawatan Dialisis kepada pencarum PERKESO dan Rakyat Malaysia melalui agensi seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Agama Islam, Yayasan Buddhist Tzu Chi, Kita Fund .com dan sebagainya.



Pekerjaan dan Perniagaan:

Jenis Bantuan	Huraian
Carian pekerjaan	Bantuan penjodohan pekerjaan bagi pencari pekerjaan melalui Portal MyFuture Job yang diuruskan oleh SIP PERKESO .
Modal permulaan perniagaan	Bantuan modal permulaan perniagaan bagi individu yang memerlukan bagi memulakan perniagaan melalui agensi seperti Tekun Nasional dan Amanah Ikhtiar Malaysia .
Perniagaan atas talian	Bantuan pembinaan platform pemasaran digital bagi tujuan pemasaran produk dan perkhidmatan perniagaan kepada individu yang memerlukan strategi pemasaran dalam bentuk digital. Agensi yang terlibat ialah MDEC .
Pekerjaan sendiri (freelance)	Bantuan carian pekerjaan freelance secara digital dan bukan digital melalui platform e Rezeki dan GLOW yang diuruskan oleh MDEC disamping perlindungan keselamatan sosial di bawah PERKESO dan MAFA .
Penempatan pekerjaan	Penempatan semula pekerjaan melalui Program Return to Work kepada pekerja yang terbencana dan juga terbuka kepada seluruh rakyat Malaysia yang memerlukan pekerjaan melalui SIP PERKESO .



KOLABORASI PINTAR DAN AGENSI

Kolaborasi pintar merupakan elemen utama di dalam penghasilan platform keselamatan sosial melalui Program Social Synergy. Terma kolaborasi pintar di pilih bagi memastikan kepentingan setiap agensi dapat dipelihara. Bagi memastikan objektif kolaborasi dapat dicapai, beberapa penetapan kriteria dan kategori telah ditetapkan seperti berikut:

a) Kategori Agensi:

⊕ Bersekutu :

Terdiri daripada agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang menawarkan perkhidmatan tidak bermotifkan keuntungan. Kategori ini membolehkan agensi untuk diberikan akses kepada Sistem MySynergy.

⊕ Tidak Bersekutu :

Terdiri daripada agensi bukan kerajaan dan swasta (CSR) yang menyediakan menawarkan perkhidmatan kebajikan namun mempunyai sedikit elemen keuntungan.


b) Kategori Perjanjian:

⊕ Memorandum Kolaborasi/Kerjasama (MoU):

Dokumentasi komitmen bagi meneliti bidang kerjasama, komitmen dan tanggungjawab agensi di dalam Program Social Synergy



⊕ Surat Niat Kolaborasi/Kerjasama (LoI):

Surat rasmi komitmen sebagai persetujuan kolaborasi/kerjasama agensi di dalam Program Social Synergy



c) Syarat Utama Kolaborasi:

- Tidak mengganggu gugat sebarang polisi dan prosedur sedia ada agensi;
- Kolaborasi yang tidak mengikat;
- Agensi Bersekutu perlu menyediakan Penyelia dan Koordinator;
- Agensi perlu berikan komitmen menyertai Program Social Synergy secara berkelompok



Senarai Agensi:

Berikut disertakan antara senarai agensi kerajaan, bukan kerajaan dan pemimpin masyarakat kategori agensi bersekutu yang telah menyertai Program Social Synergy. Sehingga Julai 2021, sejumlah lebih 150 agensi telah bersama-sama di dalam gagasan Program Social Synergy. Kesemua agensi tersebut dipilih berdasarkan peranan agensi di dalam menyediakan manfaat dan faedah untuk semua golongan terutamanya rakyat Malaysia.

 PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)	 AGENSI KAUNSELING PENGURUSAN KREDIT (AKPK)	 GIATMARA MALAYSIA (GIATMARA)	 AMANAH IKHTIAR MALAYSIA (AIM)	 MALAYSIA DIGITAL ECONOMY CORPORATION (MDEC)
 MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP)	 MAJLIS AGAMA ISLAM & ADAT MELAYU PERAK (MAIPk)	 MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MAIM)	 PERBADANAN BAITULMAL NEGERI SEMBILAN (PBMAINS)	 LEMBAGA ZAKAT KEDAH
 JABATAN TENAGA KERJA KUALA LUMPUR	 TEKUN NASIONAL	Jabatan KEBAJIKAN Masyarakat 	 JABATAN BANTUAN GUAMAN	 LEMBAGA ZAKAT SELANGOR
 INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN KUALA LUMPUR (ILPKL)	 MALAYSIA FREELANCE ASSOCIATION (MAFA)	 MENTAL ILLNESS AWARENESS & SUPPORT ASSOCIATION (MIASA)	 PERSATUAN PENGGUNA ISLAM MALAYSIA (PPIM)	 SKUAD PENGURUSAN JENAZAH MALAYSIA (SPJM)
 TAIWAN BUDDHIST TZU-CHI FOUNDATION MALAYSIA (KL & SELANGOR)	 KITA FUND	 YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA	 ISLAMIC RELIEF MALAYSIA (IRM)	 YAYASAN AMANAH TOK KENALI
 YAYASAN AMAL DATO' ZUL WISMA	 LION CLUB CHARITY KUALA KRAI KELANTAN	 Penang Hospice Society	PERSATUAN KEBAJIKAN TRANSFORMASI SELANGOR & KUALA LUMPUR	 MUSLIM VOLUNTEER MALAYSIA (MVM)
 YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA	PEJABAT KHIDMAT MASYARAKAT KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG	 ISLAMIC CHARITY SOCIETY	 INSTITUT KANSER NEGARA	 YAYASAN PENERAJU PENDIDIKAN BUMIPUTERA

Senarai Agensi Kerajaan, Bukan Kerajaan dan Pemimpin Masyarakat Dalam Kategori Bersekutu

SISTEM MYSYNERGY

Sistem MySynergy merupakan sebuah aspirasi ICT yang dilahirkan oleh PERKESO sebagai menyokong visi program untuk mewujudkan sebuah platform keselamatan sosial yang pertama di Malaysia. Dengan mengadaptasi penggunaan teknologi ‘blockchain’ di dalam rekabentuk dan keperluan, Sistem MySynergy mempunyai keupayaan seperti berikut:

- ❖ Menjana pelan kecenderungan individu;
- ❖ Fungsi menjelak kes prospek;
- ❖ Pengkalan pengetahuan agensi;
- ❖ Platform interaksi antara koordinator seluruh agensi;
- ❖ Menjana pelaporan analitik.

Pembinaan sistem ini telah dilakukan oleh anggota PERKESO dan ini sekaligus telah memberikan penjimatan yang sangat optimum terhadap kos kewangan berbanding sekiranya menggunakan khidmat syarikat pembinaan perisian ICT di luar. Penjimatan sekurang-kurangnya bernilai lebih RM 3 juta telah berjaya diraih.

Bagi memastikan sebuah data keselamatan sosial yang berkualiti dapat dijana dan dihasilkan, pengurusan data analitik boleh dilakukan dengan menggunakan sistem ini. Melalui proses tersebut tiga (3) jenis data akan dapat dihasilkan seperti berikut:

- ❖ Data individu yang belum dibantu;
- ❖ Data individu yang sedang dibantu; dan
- ❖ Data individu yang telah dibantu.



PERKESO

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

Status: Tindakan Selesai

Tarikh Setuju Terima: 24/10/2019 12:18:08

Tarikh Mula Program: 24/10/2019 12:18:08

Tarikh Tamat Program: 24/10/2019 12:18:08

Program: BENCANA PEKERJAAN (KEHALANG BERPUNCA DARI FAKTOR PEKERJAAN)

AIM

AMANAH IKHTIAR MALAYSIA

Status: Menunggu Giliran Agensi

Tarikh Setuju Terima: -

Tarikh Mula Program: -

Tarikh Tamat Program: -

Program: MODAL MENULAKAN PERNIAGAAN (WANTUA SAHAJA)

AKPK
MDEC

APK
MAFAD

MAIDAM
MAIPk

MAIWP
MDEC

MIASA
PERKESO

PPIM
SPIM

NAMA AGENSI	BILANGAN PROSPEK MENGIKUT STATUS PADA BULAN OGOS SEHINGGA 14/08/2019		AKTIVITI SELESAI
	DALAM TINDAKAN	MENUNGGU GILIRAN	
AIM	0	40	0
AKPK	0	14	0
GIATMARA	0	80	0
IRM	0	1	0
JTKSM	0	1	0
MAFA	0	0	0
MAIDAM	0	0	0
MAIPk	0	0	0
MAIWP	0	1	0
MDEC	0	69	0
MIASA	0	0	0
PERKESO	0	8	0
PPIM	0	0	0
SPIM	0	0	0
KESELURUHAN	0	225	0

BILANGAN PROSPEK MENGIKUT STATUS DALAM TINDAKAN PADA BULAN AUGUST

PENGIKTIRAFAN

Program Social Synergy merupakan sebuah inisiatif yang telah mendapat banyak pengiktirafan dari pelbagai agensi samaada di peringkat jabatan, negara dan antarabangsa. Berikut disertakan senarai penganugerahan yang telah diterima:



Juara Konvensyen Inovatif
Kreatif PERKESO 2018



Pengiktirafan Industri 4.0 Konvensyen
Team Excellence MPC 2019



Anugerah Emas Konvensyen
Team Excellence RTEX & APIC-
MPC 2019



Asean Social
Security
Association
(ASSA)



GALERI KOLABORASI



SESI KOLABORASI PINTAR PROGRAM SOCIAL SYNERGY BERSAMA AGENSI



PELAKSANAAN MODUL SAHSIAH DIRI GELANDANGAN POST COVID 19
KUALA LUMPUR

GALERI AKTIVITI LIBAT URUS



GALERI PELANCARAN DAN PENGANUGERAHAN





NOTA

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL
CAWANGAN SKUAD PRIHATIN DAN SINERGI, BAHAGIAN FAEDAH



Cawangan Skuad Prihatin & Sinergi,
Bahagian Faedah
Pejabat Timb. Ketua Eksekutif (Operasi)
PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL
Emel : sinergiprihatin@perkeso.gov.my
Web : www.perkeso.gov.my